

# Temannya enggan berpacaran

## Berubah hati setelah membaca tulisan mengenai hubungan lelaki, perempuan

### Soalan

**S**AYA mempunyai masalah mengenai hati dan perasaan. Empat tahun lalu, saya pernah mengenali seorang budak perempuan yang saya minati (A). Dalam diam saya hanya berani memerhatikannya manakala A hanya mengenali wajah dan nama saya saja. Kami tidak pernah berjumpa.

Semasa hari-hari akhir kami perlu berpisah, saya hanya sempat mengambil nombor telefon A. Itu pun daripada kawan A dan saya tidak dapat mengenali A sepenuhnya. Sejak hari perpisahan itu, saya tidak pernah melihat wajahnya secara bersemuka dan berjumpa dengannya lagi. Saya amat gembira sebab dapat berhubung dengan A, tapi kami pernah terputus hubungan sekejap akibat masalah perhubungan.

Tempoh putus itu kira-kira setahun. Lima bulan lalu, saya bertemu A semula melalui laman sosial. Sejak itu, saya berterus terang amat meminatinya dan ingin menjadikan dia isteri saya yang sah.

Saya pernah berbincang dengannya untuk berkahwin semasa kami belajar, tapi A



menolak. Dia setuju hanya selepas empat tahun kerana dia beranggapan ingin memiliki pekerjaan dan kewangan kukuh dulu.

Saya tidak kisah walaupun dengan syaratnya dan sekarang A berada di tahun akhir pembelajaran di sebuah institusi pengajian tinggi.

Bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini, A berubah selepas membaca satu artikel mengenai hubungan lelaki dan perempuan. Saya tidak pasti apa kandungannya dan A tidak mahu saya menghubunginya

lagi. Dia memberitahu sebagai perempuan tidak elok untuk saya menghubunginya dan dia melayan saya.

A juga tidak mahu saya bercakap soal alam perkahwinan dengannya kerana dia takut selain tidak mahu saya terlalu mengharapkannya.

Saya sebagai seorang lelaki sanggup bekerja keras untuk bersama dia. Saya tidak kisah untuk bekerja sambil siang malam walaupun saya ada beberapa tahun lagi untuk menghabiskan pelajaran. Saya dapat membahagikan masa

dengan baik. Pelajaran saya tidak terjejas. Malah perkara begini memberi saya kekuatan dalaman.

Walaupun kos perkahwinan semakin mahal, saya tidak hendak menjadikannya alasan dan sebab kekurangan saya sekarang menjadi penghalang saya bersama dengannya pada masa hadapan. Ibu bapa saya pula mempunyai tanggungjawab terhadap adik-adik saya.

Jadi saya tidak mahu mengganggu mereka dengan berbingcang mengenai kos kerana saya juga bukan berasal daripada keluarga berada. Saya ikhlas dan menyintai A biarpun kami menajlin hubungan jarak jauh.

Saya pernah terfikir untuk berjumpa ibu bapa A namun kerana keadaan saya yang masih belajar, saya takut mereka akan menolak. Apa yang perlu saya lakukan kerana saya tidak mahu kehilangannya.

**Jejaka Setia PERAK.**

### Jawapan

**P**erubahan diri A mengenai hubungan lelaki dan perempuan menunjukkan pandangannya terhadap arah

tujuan hubungan kalian berdua.

Menghormati pendirian A membuktikan pengorbanan cinta adik terhadapnya. Adik dan A perlu jelas akan bentuk corak perhubungan sebelum mengambil langkah seterusnya seperti mendirikan rumah tangga.

Dr menghormati kesanggupan adik bekerja keras untuk melayari kehidupan bersama A. Bagaimanapun, dalam adik sibuk bekerja, pelajaran juga penting dan tidak boleh diabaikan.

Imam Al-Ghazali bermutiara: "Raihlah ilmu dan untuk meraih ilmu belajarliah untuk tenang dan sabar". Begitu juga 'mutiara adalah taqwa, menyampaikan ilmu adalah ibadah, mengulangi ilmu adalah zikir dan mencari ilmu adalah Jihad'.

Kewangan juga satu faktor yang perlu diambil kira dalam mendirikan rumah tangga. Dr empati dengan sikap adik yang tidak mahu membebankan ibu bapa dalam masalah kewangan. Namun, persediaan yang mencukupi dari aspek kewangan penting dalam memastikan rumah tangga dibina tidak menghadapi

masalah kewangan.

Keikhlasan percintaan memang sesuatu yang penting. Pepatah menyatakan, keikhlasan itu umpama seekor semut hitam di atas batu yang hitam di malam yang amat kelam. Ia wujud tapi amat sukar dilihat'.

Oleh itu, jika adik ikhlas, buktikan melalui corak perhubungan seperti yang diinginkan oleh A dan dipersetujui oleh adik.

Persediaan sama ada dari segi kewangan, memiliki tanggungjawab sebagai suami, kematangan, berani memikul tanggungjawab penting sebelum berjumpa kedua ibu bapa A. Kemungkinan untuk ditolak mentah-mentah akan berkurangan sekiranya adik mempunyai persediaan yang mencukupi.

Sebaiknya berbincang dengan A sebelum berjumpa dengan ibu bapanya. Kehidupan di dunia ini tidak menjanjikan satu jaminan yang berkekalan. Apa yang ada hanyalah percubaan, cabaran dan pelbagai peluang. Adik boleh cuba berjumpa ibu bapa A tapi perlu bersedia menghadapi segala kemungkinan.